

NO SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI
[KAPAR]**

TARIKH : 20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

SOALAN

YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- a) langkah yang dirangka bagi menangani kadar penurunan kelahiran bagi menghadapi cabaran negara menua dan pendirian Kementerian berkenaan trend '*childless family*'; dan
- b) statistik terkini kadar kelahiran mengikut kaum dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin menjawab pertanyaan daripada YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] pada tarikh hari ini, bersekali dengan pertanyaan YB Tuan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan [Permatang Pauh] yang juga bertarikh hari ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

2. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2024, sebanyak 455,761 kelahiran hidup yang direkodkan pada tahun 2023, meningkat daripada 423,124 kelahiran hidup yang direkodkan pada tahun 2022. Daripada bilangan kelahiran yang direkodkan pada tahun 2023, negeri Terengganu merekodkan kadar kelahiran tertinggi iaitu 21.6 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan kadar kelahiran terendah iaitu 10.7. Pecahan mengikut etnik pula menunjukkan kadar kelahiran tertinggi ialah Bumiputera iaitu 17.0 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Cina mempunyai kadar kelahiran terendah iaitu 6.5.

3. Meskipun berlaku peningkatan kelahiran pada tahun 2023, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedar bahawa isu penurunan kadar kelahiran berpotensi membawa implikasi yang besar kepada pembangunan ekonomi, sosial dan demografi yang serius. Namun begitu, KPWKM juga berpandangan bahawa keputusan tidak mempunyai anak dan penentuan bilangan anak (*childless family*) adalah **hak pasangan itu sendiri**. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang berlakunya situasi ini di Malaysia termasuklah faktor ekonomi, urbanisasi, cara gaya hidup yang boleh mempengaruhi

keputusan pilihan umur untuk berkahwin, perancangan bilangan anak, kos membesarakan anak, masalah kesuburan dan sebagainya.

4. Peka akan situasi ini, langkah-langkah yang diambil KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi menangani isu penurunan kadar kelahiran termasuklah **Program Galakan Perkahwinan**. Pada 30 November 2024 yang lalu, Majlis Resepsi Mahligai Cinta, sebuah program anjuran LPPKN dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) telah diadakan untuk memartabatkan institusi perkahwinan serta memberi peluang kepada pasangan kurang berkemampuan merasai sebuah kenangan perkahwinan melibatkan sebanyak 35 pasangan.
5. KPWKM melalui LPPKN turut menawarkan perkhidmatan yang boleh menyediakan persekitaran yang membantu pasangan membuat keputusan, seperti perkhidmatan perancang keluarga dan pelaksanaan program pembangunan keluarga menerusi Modul SMART START Pra Perkahwinan yang boleh memberi kemahiran dan pengetahuan kepada pasangan yang hendak mendirikan rumah tangga. Kerajaan MADANI dalam Belanjawan 2025 juga telah mengumumkan inisiatif-inisiatif tambahan berkaitan **sokongan kewangan dan fasiliti untuk keluarga** termasuklah Bantuan Awal Persekolahan (BAP) 2025, bantuan dan sokongan kepada ibu bapa serta anak-anak autism.
6. Bagi pasangan yang mempunyai masalah berkaitan kesuburan, pelbagai inisiatif ditawarkan termasuklah perkhidmatan rawatan kesuburan pada kos yang berpatutan, pengoperasian klinik kesejahteraan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki, memberi inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan

kesuburan dengan pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan serta banyak lagi. Terbaharu, KPWKM melalui LPPKN telah diberi mandat untuk menubuhkan Pusat Subfertility Negara yang dilengkapi dengan segala kemudahan rawatan kesuburan di bawah satu bumbung bagi memberi perkhidmatan kesuburan yang serba moden dengan kos yang berpatutan.

7. Berkaitan Pembangunan Dasar dan Kajian, KPWKM melalui LPPKN juga sedang melaksanakan **Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keenam (KPKM-6)** bagi memahami faktor-faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran, termasuk faktor ekonomi, sosial dan budaya. Selain menilai keberkesanan program dan dasar sedia ada untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan, hasil KPKM-6 juga berpotensi dijadikan input utama bagi merangka dasar yang lebih komprehensif dan inklusif bagi menggalakkan pasangan berkahwin dan mempunyai anak.

8. Penurunan kadar kelahiran dan peningkatan trend '*childless family*' adalah isu yang memerlukan perhatian segera. Melalui pendekatan holistik yang merangkumi insentif kewangan, dasar mesra keluarga, kempen kesedaran dan sokongan psikososial, KPWKM sedang giat berusaha bagi memastikan keseimbangan demografi negara dapat dikekalkan. Langkah ini penting untuk memastikan pembangunan sosial, ekonomi, dan kesejahteraan rakyat untuk tempoh masa jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HJ ABD GHANI BIN AHMAD
(JERLUN)**

TARIKH : 20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

SOALAN

YB DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan polisi yang melibatkan penguatkuasaan iaitu audit berkala dan pemeriksaan mengejut di Pusat Jagaan Kanak-kanak atau di TASKA untuk memantau kejadian penderaan terhadap kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) dan pusat jagaan kanak-kanak sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] sentiasa mengambil insiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan penderaan kanak-kanak di TASKA dan pusat jagaan.
2. Bagi memantau kejadian penderaan terhadap kanak-kanak di pusat jagaan kanak-kanak atau di TASKA, KPWKM telah mewujudkan polisi bagi memastikan pematuhan terhadap standard yang telah ditetapkan di dalam akta dan peraturan. KPWKM melalui JKM membuat penetapan polisi untuk Pegawai Diberi Kuasa menjalankan pemantauan ke atas TASKA dan pusat jagaan secara berterusan melalui:
 - i. Pemeriksaan berkala ke atas TASKA dan pusat jagaan oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) dilakukan setiap enam (6) bulan atau dua (2) kali setahun.

Sebanyak sebanyak 5,861 kali pemeriksaan berkala telah dilakukan ke atas TASKA dan 3,171 kali pemeriksaan berkala telah dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar bagi tahun 2022 hingga 2024.
 - ii. Pemeriksaan mengejut ke atas TASKA dan pusat jagaan berdaftar dan tidak berdaftar.

Sebanyak 3,444 pemeriksaan mengejut ke atas TASKA dan 2,172 pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan ke atas pusat jagaan bagi tahun 2022 hingga 2024.

- iii. Memperkasakan tindakan penguatkuasaan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan yang melanggar undang-undang yang berkuat kuas
- iv. Menggubal Garis Panduan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA dan pusat jagaan sentiasa terjamin.
 - Pada 2023, KPWKM telah mengeluarkan Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak Dan Perintah Penutupan Ke Atas Taman Asuhan Kanak-Kanak Serta Pusat Jagaan Yang Dalam Siasatan Polis yang berkuatkuasa pada 10 April 2023 telah dibangunkan bagi memastikan tindakan segera dan tegas dapat diambil bagi kes-kes di TASKA dan Pusat Jagaan yang dalam siasatan Polis terutamanya bagi kes penderaan/ pengabaian/ mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan yang berlaku di premis tersebut.
 - Manakala pada 2024, Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak Di Taman Asuhan Kanak-Kanak Berdaftar yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 telah dikeluarkan oleh KPWKM. Garis Panduan ini memberi penekanan terhadap aspek keselamatan kanak-kanak di TASKA seperti memperincikan keperluan pemasangan CCTV di TASKA. Selain itu, garis panduan ini mewajibkan TASKA mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang telah menghadiri kursus pertolongan cemas dan CPR (cardiopulmonary resuscitation);
- v. Melaksanakan jerayawara/ kempen advokasi dan kesedaran kepada masyarakat agar menjadi mata dan telinga Jabatan bagi melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JONATHAN YASIN
(RANAU)**

TARIKH : 20 FEBRUARI (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah, program-program dan aktiviti pembangunan wanita yang telah dilaksanakan atau yang sedang dirancang untuk dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, profesionalisme dan kewangan para wanita di daerah Ranau khususnya dan Sabah amnya serta berapa ramai yang telah berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa giat melaksana serta menyusun atur pelbagai program dan aktiviti pembangunan wanita di semua peringkat kumpulan sasar seluruh negara untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, profesionalisme dan kewangan para wanita serta memastikan kebijakan mereka sentiasa terjamin. Pelbagai inisiatif berbentuk program latihan atau sokongan telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi golongan tersebut.

2. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

i. Program Penjanaan Pendapatan

Menerusi domain **Wanita dan Ekonomi**, JPW telah melaksanakan sebanyak **734 program** untuk membantu wanita dalam aktiviti ekonomi dan kewangan dengan seramai **17,290 orang** telah menerima manfaat. Program ini juga telah membantu meningkatkan kapasiti wanita melalui kursus dan latihan, memberi bimbingan mengenai pengurusan kewangan serta menggalakkan wanita menceburi bidang keusahawanan.

Program tersebut telah menggalakkan peserta untuk terlibat dalam perniagaan yang bukan hanya membantu meningkatkan pendapatan malahan sebagai peluang untuk meningkatkan kemahiran bagi memperluaskan jaringan perniagaan. Antara jenis perniagaan yang diketengahkan oleh usahawan ialah seperti produk kraftangan, makanan dan minuman, kecantikan, pakaian dan sebagainya.

Program Penjanaan Pendapatan pada tahun 2024 telah diadakan di tujuh (7) negeri iaitu **Sabah, Sarawak, Kelantan, Melaka, Negeri**

Sembilan, Pulau Pinang, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan seramai 223 orang peserta.

Daripada jumlah tersebut seramai 34 orang merupakan peserta dari negeri Sabah dan 3 orang peserta telah berjaya meningkatkan jumlah pendapatan melebihi 50%.

ii. Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS)

Menyedari kepentingan penglibatan wanita dalam kepimpinan, YAB Perdana Menteri ketika Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 mengumumkan inisiatif sebanyak RM5 juta bertujuan untuk memperkasakan kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita yang berjaya. Hasrat tersebut disambut baik oleh KPWKM dengan memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS).

Menerusi Program PERANTIS, tokoh wanita atau wanita yang telah berjaya akan diberikan geran peruntukan untuk menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang. Pada tahun 2024, sebanyak 25 program pembangunan kepimpinan wanita dijalankan di seluruh negara melibatkan 1,247 peserta. Program ini dibimbing oleh tokoh-tokoh wanita pada peringkat negeri dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan. Antara program PERANTIS yang dijalankan di Sabah ialah Program Kepimpinan Wanita Berimpak Tinggi Parlimen Tawau (30 peserta), Kursus Asas Kepimpinan Wanita Belia Tawau, Sabah (80 peserta) dan Program Pemerksaan Usahawan Solekan From Zero to Hero, Kota Kinabalu (25 peserta). Peserta yang menyertai PERANTIS akan melalui proses bimbingan dan pementoran selama empat hingga enam bulan bagi memastikan objektif program tercapai.

Program PERANTIS akan diteruskan pada tahun 2025 dan sebanyak 100 pemimpin wanita daripada pelbagai latar belakang profesional di seluruh negara dijangka akan menyertai program ini.

iii. Program KASIH Ibu Tunggal (PROKIT)

Program Pemerkasaan Ibu Waja pernah dilaksanakan pada bulan Mac dan bulan April tahun 2021 sebanyak tiga siri sebagai program rintis yang melibatkan ibu tunggal. Program ini telah dijenama semula sebagai Program KASIH Ibu Tunggal (PROKIT) pada tahun 2023 dan diteruskan pada tahun 2024 dengan meluaskan bidang fokus iaitu, modul kemahiran undang-undang, pengurusan kewangan dan modul pembangunan potensi ibu tunggal.

Bagi modul kemahiran perundangan, peserta akan dibimbing dan dibantu untuk mengemukakan sendiri tuntutan di mahkamah melalui Program Bantuan Guaman Syarie (BAGUS) yang dikelolakan oleh Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM).

Manakala bagi modul pengurusan kewangan, peserta akan dibimbing untuk mengurangkan jumlah komitmen bulanan hingga lima kali ganda berdasarkan konsultasi penstrukturkan semula hutang dan akan dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menjalani program pengurusan hutang.

PROKIT telah dilaksanakan di Sarawak pada tahun 2024 yang meliputi 300 peserta akan diteruskan ke semua negeri termasuk Sabah pada tahun ini.

iv. Advokasi Anti Gangguan Seksual

Akta Antigangguan Seksual (AAGS) 2022 [Akta 840] digubal bagi menangani kelompongan dalam perundangan sedia ada iaitu tiada perundangan khusus berkenaan kesalahan gangguan seksual. AAGS memberikan kesedaran dan mengelakkan berlakunya gangguan seksual secara berleluasa selain melindungi mangsa gangguan seksual. Aktiviti dan program advokasi dilaksanakan untuk meningkatkan pencegahan dan kesedaran terhadap gangguan seksual melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk wanita, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. Program advokasi KPWKM dilaksanakan secara berterusan dengan

kerjasama strategik agensi kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan.

Sehingga 19 Disember 2024, sebanyak 11 Program AGS mengikut Zon termasuk di Kota Kinabalu, Sabah telah dilaksanakan yang melibatkan **seramai 930 orang perserta**.

v. Program Sumbang Bakti Skuad Waja

Projek Khas Program Sumbang Bakti Skuad Waja merupakan inisiatif projek khas yang dilaksanakan oleh Skuad Waja bersama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri yang telah berjaya menyantuni 2,227 ahli komuniti melalui 26 program termasuk di Sabah. Melalui Projek Khas Program Sumbang Bakti Skuad Waja pelbagai komuniti telah disantuni daripada golongan wanita, golongan OKU, individu dalam pemulihan narkotik, keluarga, caregiver dan remaja bermasalah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan kadar kelahiran negara yang semakin menurun dan apakah inisiatif dalam menggalakkan rakyat agar menambahkan bilangan anak bagi mengelakkan masalah kadar kelahiran yang menurun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin menjawab pertanyaan daripada YB **Dr. Hajah Halimah Ali** [Kapar] pada tarikh hari ini, bersekali dengan pertanyaan YB **Tuan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan** [Permatang Pauh] yang juga bertarikh hari ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.
2. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2024, sebanyak 455,761 kelahiran hidup yang direkodkan pada tahun 2023, meningkat daripada 423,124 kelahiran hidup yang direkodkan pada tahun 2022. Daripada bilangan kelahiran yang direkodkan pada tahun 2023, negeri Terengganu merekodkan kadar kelahiran tertinggi iaitu 21.6 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan kadar kelahiran terendah iaitu 10.7. Pecahan mengikut etnik pula menunjukkan kadar kelahiran tertinggi ialah Bumiputera iaitu 17.0 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Cina mempunyai kadar kelahiran terendah iaitu 6.5.
3. Meskipun berlaku peningkatan kelahiran pada tahun 2023, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedar bahawa isu penurunan kadar kelahiran berpotensi membawa implikasi yang besar kepada pembangunan ekonomi, sosial dan demografi yang serius. Namun begitu, KPWKM juga berpandangan bahawa keputusan tidak mempunyai anak dan penentuan bilangan anak (*childless family*) adalah **hak pasangan itu sendiri**. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang berlakunya situasi ini di Malaysia termasuklah faktor ekonomi, urbanisasi, cara gaya hidup yang boleh mempengaruhi

keputusan pilihan umur untuk berkahwin, perancangan bilangan anak, kos membesarakan anak, masalah kesuburan dan sebagainya.

4. Peka akan situasi ini, langkah-langkah yang diambil KPWKW melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi menangani isu penurunan kadar kelahiran termasuklah **Program Galakan Perkahwinan**. Pada 30 November 2024 yang lalu, Majlis Resepsi Mahligai Cinta, sebuah program anjuran LPPKN dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) telah diadakan untuk memartabatkan institusi perkahwinan serta memberi peluang kepada pasangan kurang berkemampuan merasai sebuah kenangan perkahwinan melibatkan sebanyak 35 pasangan.

5. KPWKW melalui LPPKN turut menawarkan perkhidmatan yang boleh menyediakan persekitaran yang membantu pasangan membuat keputusan, seperti perkhidmatan perancang keluarga dan pelaksanaan program pembangunan keluarga menerusi Modul SMART START Pra Perkahwinan yang boleh memberi kemahiran dan pengetahuan kepada pasangan yang hendak mendirikan rumah tangga. Kerajaan MADANI dalam Belanjawan 2025 juga telah mengumumkan inisiatif-inisiatif tambahan berkaitan **sokongan kewangan dan fasiliti untuk keluarga** termasuklah Bantuan Awal Persekolahan (BAP) 2025, bantuan dan sokongan kepada ibu bapa serta anak-anak autism.

6. Bagi pasangan yang mempunyai masalah berkaitan kesuburan, pelbagai inisiatif ditawarkan termasuklah perkhidmatan rawatan kesuburan pada kos yang berpatutan, pengoperasian klinik kesejahteraan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki, memberi inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan

kesuburan dengan pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan serta banyak lagi. Terbaharu, KPWKM melalui LPPKN telah diberi mandat untuk menubuhkan Pusat Subfertility Negara yang dilengkapi dengan segala kemudahan rawatan kesuburan di bawah satu bumbung bagi memberi perkhidmatan kesuburan yang serba moden dengan kos yang berpatutan.

7. Berkaitan Pembangunan Dasar dan Kajian, KPWKM melalui LPPKN juga sedang melaksanakan **Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keenam (KPKM-6)** bagi memahami faktor-faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran, termasuk faktor ekonomi, sosial dan budaya. Selain menilai keberkesanan program dan dasar sedia ada untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan, hasil KPKM-6 juga berpotensi dijadikan input utama bagi merangka dasar yang lebih komprehensif dan inklusif bagi menggalakkan pasangan berkahwin dan mempunyai anak.

8. Penurunan kadar kelahiran dan peningkatan trend '*childless family*' adalah isu yang memerlukan perhatian segera. Melalui pendekatan holistik yang merangkumi insentif kewangan, dasar mesra keluarga, kempen kesedaran dan sokongan psikososial, KPWKM sedang giat berusaha bagi memastikan keseimbangan demografi negara dapat dikekalkan. Langkah ini penting untuk memastikan pembangunan sosial, ekonomi, dan kesejahteraan rakyat untuk tempoh masa jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(KUALA LANGAT)**

TARIKH : 20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik perkahwinan kanak-kanak di Malaysia untuk lima tahun terkini dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula ketetapan umur minimum perkahwinan dalam semua undang-undang sama ada sivil, syariah dan adat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik perkahwinan bawah umur yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk lima tahun terkini telah menunjukkan trend penurunan yang ketara. Tahun 2019 merekodkan sebanyak 1,467 kes perkahwinan bawah umur. Pada tahun 2020, sebanyak 1,354 kes telah direkodkan diikuti 1,086 kes bagi tahun 2021, 1,035 kes bagi tahun 2022 dan 923 kes bagi tahun 2023.
2. Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), merupakan urus setia kepada Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan Strategi). Pelan Strategi ini mengandungi 7 objektif, 17 strategi dan juga 58 program dengan penglibatan daripada pelbagai agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan antarabangsa sebagai agensi peneraju dan pelaksana. Pelan Strategi ini dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun iaitu daripada tahun 2020 sehingga 2025. Memandangkan tempoh Pelan Strategi ini berakhir pada tahun 2025, KPWKM kini dalam proses semakan ke atas strategi dan tindakan yang ada bagi mengenal pasti hasil Pelan Strategi ini dan seterusnya menentukan sama ada terdapat kewajaran untuk meneruskan Pelan Strategi ini atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Salah satu strategi utama dalam Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur adalah memastikan perundangan sedia ada selari dengan dasar kerajaan dalam membendung perkahwinan di bawah umur 18 tahun. Justeru itu pelbagai tindakan telah dan dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai agensi antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS) dalam memastikan usaha menaikkan had umur minimum perkahwinan.

4. Sehingga kini hanya dua (2) buah negeri yang telah menaikkan had umur minimum perkahwinan kanak-kanak perempuan kepada 18 tahun iaitu Negeri Selangor dan Kedah.
5. Usaha berterusan ini perlu kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berbeza, maka perundingan dan sesi libat urus bersama pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syari'e perlu dilaksanakan bagi memastikan pandangan daripada semua pihak dapat diambil kira khususnya dalam penetapan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun di mana hal ini adalah terbahagi di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta undang-undang adat. Kanak-kanak merupakan permata negara dan usaha untuk terus memastikan permata negara ini mencapai potensi tertinggi dengan berpandukan kepada 4 prinsip utama (kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan) perlu diteruskan demi kesejahteraan kanak-kanak dan juga negara.

Sekian, terima kasih.